

## KAEDAH PENCULIKAN CANGGIH

- 1 PENYAMARAN**  
Penjenayah menggunakan pelbagai cara penyamaran untuk mengelakkan dikenal pasti semasa melakukan penculikan.
- 2 PENGGUNAAN TEKNOLOGI**  
Mereka mahir menggunakan teknologi canggih seperti alat pemancar dan pelangi cahaya untuk menyembunyikan jejak.
- 3 PERANCANGAN TELITI**  
Penculikan dirancang dengan teliti, memilih lokasi dan masa yang sesuai untuk mengelakkan perhatian orang ramai.

## ISU KESELAMATAN AWAM

- 1 KEPERCAYAAN MASYARAKAT TERHAKIS**  
Insiden-insiden ini telah mengikis kepercayaan masyarakat terhadap keselamatan awam di Malaysia.
- 2 KEBIMBANGAN IBU BAPA**  
Ibu bapa kini berasa cemas untuk membenarkan anak-anak mereka keluar bersendirian.
- 3 PERMINTAAN PENAMBAHBAIKAN**  
Warga ramai mula menuntut supaya pihak berkuasa mengambil tindakan tegas dan memperkukuh langkah-langkah keselamatan.




## FAKTOR YANG MENDORONG BERLAKU PENCULIKAN

- PENGANGGURAN
- AGAMA
- KEMISKINAN
- TAMAK
- POLITIK
- RASUAH

## KESAN TERHADAP MANGSA

- 1 FIKIRAN**  
Gangguan fikiran, penafian, memori terjejas, kurang peka, terlampau berhati-hati, mengalami kekeliruan dan perasaan takut perkara yang sama akan berulang.
- 2 PERASAAN**  
Terkejut, bimbang, rasa bersalah, murung, marah dan rasa tidak berdaya.
- 3 INTERAKSI SOSIAL**  
Sering mengelak daripada melibatkan diri dengan aktiviti bersama rakan dan keluarga.

## STATISTIK KES PENCULIKAN



“Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan 541 kes culik dengan catatan kes tertinggi direkodkan pada 2023 dengan 148 kes diikuti 2020 (119 kes), 2021 (104 kes), 2022 (91 kes) manakala Januari sehingga Julai 2024 (79 kes).”

Ketua Polis Negara (KPN)  
Tan Sri Razarudin Husain

Sumber : Utusan Malaysia -13 Ogos 2024

## KESAN PENGALAMAN MENJADI MANGSA

- 1 TRAUMA PSIKOLOGI (PSYCHOLOGICAL TRAUMA)**
  - Mangsa penculikan biasanya akan mengalami kejutan yang melampau, terutamanya kanak-kanak.
  - Mangsa mengalami kemurungan.
- 2 RASA KURANG PERCAYA (LACK OF TRUST)**
  - Mungkin semasa kejadian penculikan berlaku, seseorang telah berpura-pura baik namun akhirnya menjadikan mereka mangsa penculikan.
- 3 KETAKUTAN (FEAR)**
  - Penculikan membuatkan masyarakat mengalami ketakutan.
  - Apabila penculikan meningkat, ini membuatkan orang ramai tidak boleh bergerak bebas.
  - Hal ini adalah kerana mereka merasa bimbang akan menjadi mangsa seterusnya.
- 4 PENYEKSAAN (TORTURE)**
  - Penculik biasanya akan memilih untuk menyeksa mangsanya supaya mereka dapat membuat ugutan dan meminta wang daripada saudara/ kenalan mangsa.
  - Penculik menyeksa mangsa sehingga menyebabkan luka dan kecederaan mangsa sukar atau mengambil masa untuk pulih.
- 5 ROGOL (RAPE)**
  - Penculik yang berusia muda biasanya cenderung untuk merogol mangsa/ tebusan yang cantik.
  - Mungkin mereka tiada niat pada awalnya, namun mereka melakukannya kerana di dorong oleh nafsu.



## RAWATAN & PSIKOSOSIAL

- 1 Perubatan.
- 2 Berada dalam persekitaran yang selamat.
- 3 Sentiasa berhubung dengan orang-orang yang tersayang.
- 4 Mendapatkan peluang untuk bercakap dengan mangsa dan menghasilkan jurnal melalui pengalaman mereka.
- 5 Mencari maklumat dan sumber rujukan kaunseling untuk mangsa apabila mendapati mereka mengalami gangguan daripada insiden tersebut.
- 6 Melindungi privasi mereka (contohnya mengelakkan pendedahan yang berlebihan daripada media termasuk menonton dan mendengar berita dan mengambil bahagian dalam wawancara media).
- 7 Sokongan psikososial membantu individu dan keluarga mangsa untuk menyembuhkan keadaan psikologi yang rapuh serta membina semula struktur sosial dalam persekitaran mangsa setelah menjadi mangsa jenayah.
- 8 Mangsa memerlukan penyesuaian masa untuk kembali kepada keluarga dan mula bekerja.

# TALIAN KECEMASAN

Satu Negara, Satu Nombor

# 999

## PANDUAN MEMBUAT PANGGILAN 999

1. Bertenang dan bertutur dengan jelas.
2. Kenal pasti jenis perkhidmatan kecemasan yang diperlukan (polis, kebakaran atau ambulan).

### Beri maklumat berikut:

1. Kejadian yang berlaku
2. Lokasi
3. Nama, alamat dan nombor telefon
4. Beri maklumat tambahan bila disoal oleh petugas talian kecemasan.



TERBITAN:

Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak

SUMBER:

Facebook Rasmi Polis Diraja Malaysia (PDRM)  
Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan

Untuk dapatkan pelbagai Koleksi bahan penerbitan digital, sila imbas Kod QR atau Layari

[dbook.penerangan.gov.my](http://dbook.penerangan.gov.my)



# JENAYAH PENGULIKAN



Penculikan ialah suatu jenayah yang menyalahi undang-undang iaitu dengan cara merampas dan membawa pergi seseorang menggunakan kekerasan atau penipuan, atau menyekat dan menahan seseorang dengan niat untuk membawanya jauh ke tempat lain.

Penculikan berlaku apabila seseorang menggunakan kuasa yang tidak sah secara fizikal tanpa keizinan mangsa serta dengan niat yang jahat untuk melakukan penculikan.

Bagi negara yang aman damai, terjadinya insiden atau kes penculikan khususnya yang melibatkan kanak-kanak pastinya akan menggoncang ketenteraman dan keselamatan negara serta masyarakatnya.